



قربدانن كما جوان نكري سلاغور

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(Selangor State Development Corporation)

TINGKAT 2-9, MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK, NO. 7, PERSIARAN SUKAN
SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR, MALAYSIA.
TEL: 03-55201234 FAX: 03-55103173/03-55103177 Email: general@pkns.gov.my
TALIAN BEBASTOL: 1800-88-7567 Email: aduan@pkns.gov.my

selangorku



“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Surat kami : (42) PKNS/SUK/M/1.1/Jld. 9

Tarikh : 31 Oktober 2013

Puan Norzaton Aini binti Mohd Kassim
b.p. Ketua Setiausaha Sulit Kepada Menteri Besar Selangor
Pejabat Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40502 Shah Alam

Che Fauziah
TAN SRI DATO' SERI ABDUL HALID BIN IBRAHIM
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Puan,

**PENGESAHAN PELANTIKAN AHLI-AHLI PROFESIONAL DI DALAM
AHLI-AHLI PERBADANAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sepertimana arahan YAB. Dato' Menteri Besar melalui surat bil. MB.Sel.9/12 Jld. 33 (98) bertarikh 23 Oktober 2013 untuk ditandatangani oleh YAB Dato' Menteri Besar dan seterusnya diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah

Norita

(HAJAH NORITA BINTI MOHD SIDEK A.M.N, P.P.T)
Setiausaha Kerja
b.p. Pengurus Besar
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

s.k. Y. Bhg. Pengurus Besar



RAHSIA

DOKUMEN INI ADALAH HAKMILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Bil. No.:

Kertas MMK. NO.:

PKNS/SUK/M/1.1 Jld. 9

KERTAS RINGKASAN

**PENGESAHAN PERLANTIKAN AHLI-AHLI PERBADANAN YANG DILANTIK
DI BAWAH SEKSYEN 4(1)(d) ENAKMEN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR 1964**

**Daripada: PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(Selangor State Development Corporation)**

1.0 **TUJUAN**

Untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Ahli Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri terhadap pengesahan perlantikan Ahli-Ahli Perbadanan di bawah seksyen 4 (1)(d), Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 (No. 4 Tahun 1964).

2.0 **LATAR BELAKANG**

2.1 Berdasarkan kepada Seksyen 4(1) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 (No. 4 Tahun 1964), Perbadanan hendaklah terdiri daripada :

- (a) seorang Pengerusi, iaitu seseorang yang pada masa tersebut memegang jawatan Menteri Besar, Selangor;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (c) dua orang Ahli ex-officio, iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Pegawai Kewangan Negeri dan Jurutera Negeri, Selangor

RAHSIA

- (d) tidak lebih daripada lima orang ahli-ahli lain yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat dari kalangan orang-orang yang pada pandangan beliau berkelayakan oleh sebab mempunyai pengalaman yang luas dan telah membuktikan keupayaannya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan bank, pembuatan, perumahan, perdagangan, kewangan, profesional atau pentadbiran atau dengan cara lain sesuai untuk perlantikan itu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan khas mereka:
 - (e) tiga orang wakil daripada Kerajaan Pusat yang dilantik oleh Menteri.
- 2.2 Seksyen 4(2) Enakmen tersebut juga menyebut "Ahli Perbadanan yang dilantik dibawah Seksyen 4(1)(d) hendaklah melainkan beliau meletakkan jawatan terlebih dahulu atau pelantikannya telah ditarik balik, **memegang jawatan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk perlantikan semula**; dengan syarat jika ahli itu meletakkan jawatan atau perlantikannya ditarik balik lebih awal seorang lain boleh dilantik untuk menggantikannya untuk baki tempoh bagi ahli yang telah digantikan itu".
- 2.3 Seksyen 4(3) pula menyebut "**Ahli Perbadanan boleh dilantik semula setelah tamat tempoh penggal jawatannya**".
- 3.0 **PERLANTIKAN AHLI-AHLI PERBADANAN DI BAWAH SEKSYEN 4(1)(d)**
- 3.1 Di bawah seksyen 4 (1) Enakmen tersebut khususnya di bawah perkara (d), Raja dalam Mesyuarat adalah merujuk kepada Exco Kerajaan Negeri Selangor yang mana telah diberikuasa untuk melantik Ahli-Ahli Perbadanan berdasarkan kepada terma-terma yang digariskan di bawah seksyen tersebut.

RAHSIA

3.2 Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 5/2013 bertarikh 6 Februari 2013 telah menimbang dan meluluskan perlantikan 3 orang Ahli Perbadanan di bawah Seksyen 4(1)(d) berkuatkuasa selama dua (2) tahun dari tarikh lantikan. Keputusan tersebut telah dibuat sebelum Pilihanraya Umum ke-13 (PRU).

3.3 Ahli-ahli Perbadanan tersebut telahpun dikuatkuasakan perlantikannya selepas mendapat kelulusan daripada MMKN seperti berikut:

BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT TEMPOH
1	YB Puan Teresa Kok Suh Sim Ahli Parlimen Seputeh	11 Februari 2013	10 Februari 2015
2	YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad ADUN Kawasan Chempaka	11 Februari 2013	10 Februari 2015
3	YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali ADUN Kawasan Bukit Antarabangsa	11 Februari 2013	10 Februari 2015

4.0 **PANDANGAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**

4.1 PKNS melalui surat bil. PKNS/UND/AM/05-P.AM/2005 Jld. 4 bertarikh 26 September 2013 telah meminta pandangan daripada Penasihat Undang-undang Negeri Selangor berhubung dengan pengesahan pelantikan Ahli-ahli Perbadanan yang telah dilantik sebelum Pilihanraya Umum ke-13 (PRU13). Lanjutan daripada surat tersebut, PKNS telah menerima maklumbalas daripada Kamar Penasihat Undang-undang melalui surat bil. PU.SEL.AM 315/10/2013 (SRM) bertarikh 18 Oktober 2013 yang mana menyatakan bahawa pelantikan Ahli-ahli Profesional yang dibuat sebelum PRU13 bagi tempoh 2 tahun yang berkuatkuasa mulai 11 Februari 2013 masih lagi berkuatkuasa walaupun selepas keputusan PRU13 dibuat.

RAHSIA

4.2 Sukacita juga diambil perhatian para 7 di dalam surat daripada Kamar Penasihat Undang-undang juga menyatakan, Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 tidak memperuntukkan bahawa Ahli-ahli Perbadanan yang dilantik hendaklah terdiri daripada Exco Kerajaan Negeri. Sila rujuk surat seperti di Lampiran 1.

5.0 **CADANGAN**

5.1 Berdasarkan pandangan Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, PKNS memohon pengesahan daripada Ahli Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri berhubung dengan pelantikan Ahli-ahli Profesional yang dibuat sebelum PRU13 seperti berikut:


BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT TEMPOH
1	YB Puan Teresa Kok Suh Sim Ahli Parlimen Seputeh	11 Februari 2013	10 Februari 2015
2	YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad ADUN Kawasan Chempaka	11 Februari 2013	10 Februari 2015
3	YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali ADUN Kawasan Bkt. Antarabangsa	11 Februari 2013	10 Februari 2015

RAHSIA

6.0 SYOR

Dikemukakan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Ahli Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri terhadap cadangan di perkara 5.0 di atas.

Disediakan Oleh :



Hajah Norita binti Mohd Sidek
Setiausaha Kerja
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Disemak Oleh :



Othman bin Omar
Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Disahkan oleh :

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
Dato' Menteri Besar Selangor

Tarikh :




PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR,
TINGKAT 21,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40502 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel. : 03-5544 7013
Faks : 03-5519 0032
: 03-5510 9686



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MB. Sel. 9/12 Jld. 33
Tarikh : 23 hb. Okt. 2013 (98)

Encik Othman bin Omar
Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor,
Tingkat 2-9, Menara HPAIC,
Laman Seri Business Park,
No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor.



Tuan ,

PENGESAHAN PELANTIKAN AHLI-AHLI PROFESIONAL DI DALAM AHLI-AHLI PERBADANAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada surat Tuan bil. PKNS/SUK/U/2.2/97 Jld. 10 bertarikh 15 Mei 2013 mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa YAB. Dato' Menteri Besar memohon supaya Kertas Cadangan diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(NORZATON AINI BINTI MOHD. KASSIM SMS., BPC., PPT.)

b.p. Ketua Setiausaha Sulit Kepada
Dato' Menteri Besar Selangor
Tel : 03 - 55447014 / 7022
E-mail : norzaton@selangor.gov.my



s.k.

Puan Faekah binti Hj. Husin
Setiausaha Politik kepada
Dato' Menteri Besar Selangor
Pejabat Menteri Besar Selangor

Handwritten signature

Fail Timbul
MYB/QS - 21.10.. (Isnin)